

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN [SEMBRONG]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah alternatif bagi meningkatkan ekonomi masyarakat kampung di saat harga penanaman komoditi sawit dan getah yang kurang memberangsangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai projek/program telah dirancang dan dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) untuk meningkatkan ekonomi masyarakat kampung. Begitu juga dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif/usaha juga telah diambil untuk membantu masyarakat pekebun kecil/petani oleh beberapa Kementerian/agensi lain seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi melalui agensi masing-masing seperti RISDA, FELCRA dan juga FELDA.

Di bawah KPLB, antara projek yang dilaksanakan adalah seperti Program Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) dan Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK) yang bertujuan menjana pendapatan tambahan ketika harga komoditi yang kini kurang memberangsangkan.

NO. SOALAN : 30

Melalui Program AET, pendapatan sampingan diperolehi melalui aktiviti pertanian, ternakan dan ekonomi desa yang dilaksanakan sendiri oleh pekebun kecil/masyarakat kampung. Program ini turut melahirkan lebih ramai usahawan, meningkatkan pendapatan isi rumah dan pertambahan peluang pekerjaan. Pada tahun ini, lebih 3,600 peserta di pelbagai agensi rangkaian KPLB seperti Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA), Jabatan Pertanian Sarawak (JPS), Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) dan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (SLDB) telah menerima manfaat di bawah program AET dengan peningkatan purata pendapatan tambahan daripada RM200.00 hingga RM1,500.00 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua,

Projek PROSPEK pula merupakan projek baru kementerian yang memberi penekanan kepada pembangunan ekonomi insitu melalui penggabungan tanah terbiar di kampung-kampung sedia ada dengan aktiviti ekonomi secara berskala besar (*niche product*).

Dua projek rintis telah dilaksanakan pada tahun 2018 iaitu di PROSPEK Rintis Kg. Sidam, Kulim, Kedah dan PROSPEK Rintis Kg. Pasir Raja di Daerah Dungun Terengganu. PROSPEK Rintis Kg. Sidam ini menumpukan kepada tanaman jagung (keluasan 50 ekar) sebagai *niche product*. Melalui tanaman jagung ini, pelbagai aktiviti ekonomi hiliran jagung dapat dilaksanakan seperti penghasilan silaj, jagung lerai, bertih jagung dan sebagainya. Manakala bagi PROSPEK Rintis Kg. Pasir Raja pula menumpukan kepada penternakan ikan air tawar (lebih 50 kolam) sebagai komponen ekonomi utama sebelum diproses menjadi produk hiliran.

Kementerian juga sedang dalam tindakan memperluaskan pelaksanaan PROSPEK meliputi lima(5) negeri lain iaitu Perak, Pahang, Kelantan, Sarawak dan Sabah pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.